

BAB V

STATISTIK MENGENAI JUMLAH DAN KEGUNAAN HARTA WAKAF NEGERI MELAKA.

5.1 PENDAHULUAN.

Negeri Melaka adalah di antara negeri yang kecil berbanding negeri-negeri yang terdapat di Malaysia. Keluasannya ialah 1650 kilometer persegi yang mengandungi tiga daerah iaitu Daerah Alor Gajah, Daerah Melaka Tengah dan Daerah Jasin. Mengikut perangkaan penduduk dan isi rumah mengikut daerah pentadbiran Melaka pada tahun 1991, Daerah Alor Gajah mempunyai keluasan 673 kilometer persegi, Melaka Tengah keluasannya 298 kilometer persegi dan keluasan Daerah Jasin ialah 679 kilometer persegi.¹

Jumlah penduduk Negeri Melaka seramai 506,321 orang. Daerah Melaka Tengah mempunyai kepadatan lebih tinggi iaitu 296,897 orang (52 peratus Bumiputra, 41.8 peratus Cina, 4.6 peratus India dan 1.6 peratus lain-lain), Kedua Daerah Jasin penduduknya berjumlah 92,771 orang (67.7 peratus bumiputra, 20.4 peratus Cina, 10.6 peratus India dan 1.4 peratus lain-lain bangsa) dan ketiga Daerah Alor Gajah mempunyai 116,653 orang (67.2 peratus Bumiputra, 21.7 peratus Cina, 10.3 peratus India dan 0.8 peratus lain-lain bangsa).²

Penduduk bumiputra iaitu Melayu adalah jumlah yang terbesar mendiami negeri Melaka. Golongan bumiputra adalah golongan tertinggi jumlahnya iaitu 58.4 peratus, manakala Cina 33.2 peratus, India 7.0 peratus dan lain-lain bangsa 1.4 peratus.³ Ini adalah manasabah kerana kebanyakan penduduk negeri Melaka terutamanya bumiputra bekerja sendiri iaitu menjadi petani dan nelayan. Tinjauan yang telah dilakukan mendapati kebanyakan golongan Melayu bekerja sebagai petani yang mendiami kawasan pinggir bandar, golongan Cina bekerja sebagai peniaga dan mendiami di kawasan bandar dan pekan, manakala golongan India kebanyakannya sebagai peladang (getah dan kelapa sawit) yang mendiami kawasan pendalaman.

5.2 JUMLAH DAN BENTUK KEGUNAAN TANAH WAKAF.

Daerah Melaka Tengah mempunyai keluasan tanah wakaf yang tertinggi iaitu 244 ekar (40 peratus), diikuti Daerah Alor Gajah 192.46 ekar (31 peratus) dan Daerah Jasin 177.01 ekar (29 peratus). Jumlah keseluruhan tanah wakaf di negeri Melaka ialah 613.47 ekar.

Tanah perkuburan merupakan tanah wakaf tertinggi yang diwakafkan oleh masyarakat Islam Negeri Melaka iaitu Daerah Melaka Tengah 90.73 ekar (37 peratus), Alor Gajah 137.49 ekar (71 peratus) dan Daerah Jasin 116.07 ekar (66 peratus). Jumlah keseluruhan tanah wakaf perkuburan di Melaka ialah 344.29 ekar atau sebanyak 56.12 peratus dari keseluruhan penggunaan tanah wakaf. Mengikut kajian mendapati perkara ini berlaku disebabkan masyarakat dahulu kurang pendedahan tentang penggunaan manfaat dari harta yang diwakafkan, ditambah pula kebanyakan

daripada mereka yang melakukan amalan ini terdiri daripada golongan tua berbanding golongan muda.⁴ Mengikut pengamatan penulis, kebanyakan tanah perkuburan yang diwakafkan oleh masyarakat setempat adalah tidak sesuai untuk dibangunkan untuk perumahan kerana tanahnya kecil dan berdekatan dengan tempat ibadat serta kedudukan tanah itu agak curam.⁵

Kedua terbanyak ialah tapak masjid/surau iaitu daerah Melaka Tengah mempunyai 44.99 ekar (18 peratus), Daerah Alor Gajah mempunyai 42.11 ekar (22 peratus) dan Daerah Jasin ialah 33.16 ekar (19 peratus). Jumlah keluasan tapak masjid dan surau di negeri Melaka ialah 120.26 ekar atau 19.6 peratus. Kajian mendapati mereka yang ramai mewakafkan tanah mereka sebagai tempat ibadat ialah terdiri daripada golongan berada yang mempunyai banyak tanah.⁶

Tanah wakaf untuk masjid dan surau serta tanah wakaf untuk perkuburan adalah penting bagi menampung pertambahan umat Islam di negeri Melaka serta kadar kematian yang sentiasa meningkat. Keadaan ini dapat menyelesaikan masalah masyarakat Islam khususnya di negeri Melaka bagi menjaga keselesaan untuk beribadah kepada Allah. Bagi tanah wakaf sawah dan kebun getah masing-masing memberi pulangan hasil yang baik kepada masyarakat Islam di negeri Melaka untuk meningkatkan sumber pendapatan daripada usaha yang dilakukan terhadap tanah-tanah tersebut. Jadual 5.2 di bawah menggambarkan dengan jelas kedudukan bagi tanah perkuburan dan tapak masjid serta surau.

Jadual 5.2: Perbandingan Kegunaan Tanah Wakaf Di Antara Ketiga-Tiga Daerah (Daerah Alor Gajah, Daerah Melaka Tengah dan Daerah Jasin).

BIL	KEGUNAAN TANAH WAKAF	MELAKA TENGAH (ekar)	ALOR GAJAH (ekar)	JASIN (ekar)	JUMLAH
1	TAPAK MASJID/SURAU	44.99	42.11	33.16	120.26
2	TANAH PERKUBURAN	90.73	137.49	116.07	344.29
3	TAPAK SEKOLAH	0.09	2.36	2.24	4.69
4	TANAH KOSONG	9.49	5.79	0.93	16.66
5	KEBUN GETAH	25.03	2.04	4.53	31.6
6	TANAH SAWAH	57.97	1.5	0.72	59.74
7	TAPAK RUMAH/RUMAH	8.66	0.15	5.88	14.69
8	KELAPA SAWIT/KELAPA	3.38	-	9.72	13.1
9	DUSUN	3.66	1.02	3.76	8.44
JUMLAH		244	192.46	177.01	613.47

Sumber: Lembaga Wakaf dan Baitulmal 1999.

Selain daripada kegunaan tanah untuk perkuburan dan tempat ibadat jadual 5.2 di atas juga menjelaskan kegunaan-kegunaan lain. Terdapat sesetengah masyarakat Islam di negeri Melaka mewakafkan harta mereka untuk tujuan pertanian. Daerah Melaka tengah mempunyai keluasan bagi tanah getah ialah 25.03 ekar (10 peratus), sawah 57.97 ekar (24 peratus), kelapa sawit/kelapa 3.38 ekar (1 peratus) dan tanah dusun 3.66 ekar (2 peratus). Bagi daerah Alor gajah keluasan tanah pertanian seperti getah 2.04 ekar (1 peratus), tanah sawah 1.5 ekar (1 peratus) dan tanah dusun 1.02 ekar (1 peratus). Manakala bagi daerah Jasin pula, untuk tanah getah 4.53 ekar (3 peratus), sawah 0.72 ekar, kelapa sawit/kelapa 9.72 ekar (5 peratus) dan tanah dusun 3.76 ekar (92 peratus). Menurut penduduk tempatan, di antara sebab ada golongan masyarakat Islam yang mewakafkan tanah pertanian ialah kerana mereka tidak

mempunyai waris atau saudara mara untuk meneruskan kesinambungan tanah yang telah diusahakan. Dengan itu jalan terbaik ialah mereka mewakafkan tanah pertanian yang mereka miliki.⁷

5.3 KELUASAN TANAH WAKAF MENGIKUT KATEGORI EKAR.

Jadual 5.3 di bawah menerangkan data-data mengenai taburan tanah wakaf mengikut keluasan di negeri Melaka dapat dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu kurang dari seekar, di antara 1.0-2.0 ekar, 2.1-3.0 ekar dan lebih daripada 3 ekar. Berdasarkan kepada senarai tanah-tanah wakaf yang ada, didapati jumlah tanah wakaf tersebut didatangkan dari 770 lot tanah yang bertaburan diseluruh negeri Melaka.⁸ Keluasan tanah wakaf yang kurang dari satu ekar merupakan jumlah yang terbesar iaitu 227.6 peratus daripada jumlah tanah wakaf yang terdapat di negeri Melaka. Dari segi perbandingan, didapati keluasan tanah wakaf yang ada tidak ekonomik untuk dibangunkan. Keadaan ini secara langsung akan memberi kesan kepada pulangan balik atas penanaman modal pembangunan tanah yang berkesan. Oleh sebab itu Majlis sebagai badan pentadbir tidak dapat mengambil tindakan untuk memajukan di atas tanah yang kecil walaupun kedudukannya di tengah pusat bandar yang mempunyai nilai harga yang tinggi.⁹ Bagi keluasan 1.0 hingga 2.0 ekar seluas 44 peratus kemudian diikuti 2.1 hingga 3.0 seluas 17 peratus dan 10.8 peratus bagi keluasan kurang daripada tiga ekar.

Jadual 5.3: Taburan Tanah Wakaf Mengikut Keluasan.

KELUASAN	MELAKA TENGAH	ALOR GAJAH	JASIN	JUMLAH
>1 EKAR	83%	74%	70.6%	227.6%
1.0-2.0 EKAR	8.6%	18.4%	17%	44%
2.1-3.0 EKAR	4.6%	5.5%	7%	17.1%
> 3EKAR	3.7%	1.8%	5.3%	10.8%

Sumber: Lembaga Wakaf dan Baitulmal 1999.

Walau bagaimanapun, masih kedapatan sejumlah kecil tanah-tanah wakaf yang boleh dibangunkan secara bersepadu berdasarkan lokasi dan keluasan serta taburan pembangunan di kawasan sekitar.

5.4 PEMBANGUNAN HARTA WAKAF NEGERI MELAKA.

Secara umumnya LUKMAL merupakan badan yang terlibat secara langsung dalam pembangunan harta wakaf di negeri Melaka. Langkah yang diambil dalam aspek pembangunan harta wakaf ini menampakkan pembangunan yang dilakukan agak tersusun dan seterusnya mendatangkan hasil kepada LUKMAL dan masyarakat setempat. Antara aspek pembangunan harta wakaf yang dilakukan seperti bidang penyewaan, perniagaan dan seterusnya dalam bidang pertanian. Perkara ini dapat dilihat dengan jelas tentang pembangunan harta wakaf sebagaimana yang diterangkan di bawah.

5.4.1 TANAH WAKAF YANG DIKENDALIKAN OLEH LUKMAL

Kajian mendapati Majlis Agama Islam Negeri Melaka hanya mengendalikan harta wakaf yang berada di bawah kawalan Masjid Kampung Hulu dan wakaf Masjid Kampung Keling.¹⁰ Sementara harta-harta wakaf di seluruh Negeri Melaka ditadbir oleh pentadbiran masjid kariah masing-masing. Perkara ini tertakluk kepada peraturan-peraturan bagi mengawal masjid-masjid, madrasah-madrasah, tanah-tanah perkuburan negeri Melaka.¹¹ Seksyen 53, Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Melaka 1991 memperuntukkan:

"Walau apapun peruntukan yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah bagi semua masjid di dalam Melaka dan setiap masjid bersama-sama dengan tanahnya dan mana-mana tanah berhubung dengan dan digunakan bagi faedah masjid, selain daripada tanah kerajaan atau tanah rizab bagi maksud awam, hendaklah sebaik sahaja didaftarkan di bawah Kamin Tanah Negara dan apa-apa pindah hak, penyerahan hak atau pindah milik, tertakluk kepada Majlis bagi maksud Enakmen ini".

Lokasi tanah wakaf Masjid Kampung Hulu dan Masjid Kampung Keling, terletak di pusat bandar yang merupakan kawasan yang berpotensi untuk dibangunkan. Keadaan ini meletakkan tanah wakaf yang ada pada nilai harga yang tinggi. Adalah dijangkakan nilai ini akan terus meningkat selaras dengan tempoh pembangunan dan permintaan ke atas tapak perniagaan dan perumahan di atas tanah wakaf berkenaan. Jika diteliti dari segi nilai tanah tersebut, tidak dinafikan bahawa tanah wakaf di bandar walaupun kecil jumlah bidang dan keluasannya tetapi tetap mempunyai nilai yang tinggi berbanding dengan nilai tanah wakaf yang berada di luar bandar. Ditambah pula kedudukan tanah wakaf yang strategik dan berpotensi. Di bawah ini

disenaraikan harta-harta wakaf yang dikendalikan oleh Majlis Agama Islam Melaka (LUKMAL) secara langsung.

5.4.1.1 PENGURUSAN WAKAF MASJID KAMPUNG HULU.

Sebuah Jawatankuasa Wakaf khusus di bentuk oleh LUKMAL bagi menguruskan harta-harta wakaf yang terdapat di bawah Masjid Kampung Hulu dan Masjid Kampung Keling. Di antara Ahli Jawatankuasanya ialah¹² terdiri daripada Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha, Bendahari dan sembilan Ahli Jawatankuasa.

Penyelia Wakaf menjadi pengerusi yang bertanggungjawab bagi menguruskan segala urusan wakaf berjalan dengan lancar dan sempurna, ia juga bertanggungjawab menerima segala hasil-hasil daripada pungutan sewa rumah dan kedai serta sewa tanah daripada harta wakaf bagi masjid ini. Di samping itu juga, Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab menerima wang peti besi yang didapati daripada masjid ini (dana melalui kutipan hari jumaat dan derma orang ramai).¹³

5.4.1.2 HARTA WAKAF MASJID KAMPUNG HULU.

Masjid Kampung Hulu memiliki harta wakaf yang banyak iaitu dari segi keluasan tanahnya sebanyak 64.025 ekar. Dari segi sumber pendapatannya melalui

penyewaan ialah RM54,742.40 setahun. Nilai keseluruhan harta (bangunan) yang berada di bawah Masjid Kampung Hulu ialah RM3,663,700.00.

Cukai harta yang ditanggung oleh Majlis Agama ialah RM22,149.60 dan cukai tanah berjumlah RM3,630.00 setahun yang keseluruhannya berjumlah RM25,779.60. Jumlah ini tidak termasuk kos yang ditanggung oleh Majlis bagi penyelenggaraan bangunan seperti membaiki kerosakan, mengecat bangunan dan sebagainya. Hasil yang diperolehi oleh Majlis dari segi penyewaan ialah berjumlah RM54,742.40 setahun. Merujuk kepada jadual 5.4.1.2 di bawah menunjukkan keuntungan bersih selepas ditolak cukai dan sebagainya yang diperolehi oleh Majlis melalui penyewaan ialah RM28,962.40 setahun.

Kajian mendapati, walaupun Akta Kawalan Sewaan 1966 telah dimansuhkan¹⁴ yang membolehkan kadar sewa dinaikan tetapi dengan sebab-sebab tertentu Majlis belum lagi mengambil tindakan sewajarnya dengan menaikkan kadar sewa mengikut nilaiannya semasa¹⁵, contohnya penyewa yang beralamat 40 Jalan Tun Tan Cheng Lock yang masih lagi tidak dinaikkan sewanya, iaitu kadar lama yang dikenakan iaitu RM769.80 setahun atau RM64.15 sebulan. Majlis belum meluluskan sebarang tindakan kerana perlukan sedikit masa bagi menaikkan kadar sewa serta perbincangan akan diadakan dengan penyewa supaya mereka tidak merasai tekanan apabila perubahan kadar sewa dilakukan.¹⁶ Jadual 5.4.1.2 di bawah adalah ringkasan data-data mengenai perbelanjaan dan hasil dapatan wakaf bangunan Masjid Kampung Hulu.

Jadual 5.4.1.2: Perbelanjaan dan Hasil Dapatan Wakaf Bangunan Masjid Kampung Hulu.

BIL	ALAMAT HARTA	LUASK/P	CUKAI TANAH	CUKAI HARTA	KADAR SEWA SETAHUN	NILAIAN SEMASA	CATATAN
1	1&9 JALAN TEMENGGUNG BENDAHARA	3277	388.00	1,584.00	12,255.00	216,200.00	BANGUNAN 3 TINGKAT 14 PENYEWA
2	25J.H/KASTURI & 27 J.H/KASTURI	2770		720.00	1,584.00	84,200.00	2 RUMAH KEDAI 2 PENYEWA
3	30.J.LAKSAMANA 32 J.LAKSAMANA	9054	873.00	1,584.00 2,160.00	4,440.00 4,734.00	252,300.00	2 RUMAH KEDAI 3 PENYEWA
4	40 J. TUN TAN CHIENG LOCK	1101	194.00	345.60	769.80	50,100.00	1.RUMAH KEDAI 1 PENYEWA
5	50 KG/PANTAI& 52 J. KG/PANTAI	3858	388.00	1,152.00 864.00	2,814.00 4,800.00	250,900.00	2 RUMAH KEDAI 2 PENYEWA
6	51 J.H/KASTURI	699	97.00	288.00	869.40	31,800.00	1 RUMAH KEDAI 1 PENYEWA
7	85 LRG H/JEBAT	984	97.00	432.00	912.00	-	1 RUMAH KEDAI 1 PENYEWA
8	109,JLN. TEMENGGONG	2348	291.00	1,152.00	2,321.40	98,200.00	1.RUMAI KEDAI 1 PENYEWA
9	32-42 JLN PASAR BARU		582.00	11,220.00	17,820.00	670,000.00	BANGUNAN 4 TINGKAT
10	MASJID.KG.HULU	40934	429.00	-	-	10,000.00	MASJID & RUMAH PEGAWAI
JUMLAH		64,025	3,630.00	22,149.60	54,742.00	3,663,700.00	

Sumber: Lembaga Wakaf dan Baitulmal 1999.

5.4.1.3 WAKAF TANAH MILIK MASJID KAMPUNG HULU.

Jumlah tanah wakaf yang dimiliki oleh Masjid Kampung Hulu ialah sebanyak 411,405 kaki persegi. Dilihat dari aspek lokasi, tanah wakaf adalah bernilai tinggi kerana keseluruhannya terletak di kawasan bandar. Tetapi ia tidak dimajukan dengan sebaiknya. Kesan daripada itu Majlis Agama Islam mengalami kerugian yang besar, kerana Majlis terpaksa membayar cukai tanah yang berjumlah RM12,364.00 dan cukai harta RM43.40 setiap tahun. Hasil yang diperolehi daripada sumber tanah wakaf

yang melalui penyewaan ialah RM5,182.00 setahun. Ini bermakna kerugian yang dialami oleh Majlis ialah RM7,224.60. Mengikut pengurus LUKMAL, walaupun tanah itu bernilai tinggi tetapi kos yang menjadi penghalang untuk membangunkan tanah tersebut, serta kedudukan tanah itu bersaiz kecil yang sukar untuk dibangunkan.¹⁷ Jadual 5.4.1.3 di bawah menjelaskan secara teperinci tentang perbelanjaan dan hasil dapatan wakaf tanah Masjid Kampung Hulu.

Jadual 5.4.1.3: Perbelanjaan dan Hasil Dapatan Wakaf Tanah Masjid Kampung Hulu.

BIL	ALAMAT HARTA	LUAS K/P	CUKAI TANAH	CUKAI HARTA	KADAR SEWA SETAHUN	NILAIN SEMASA	CATATAN
1	KG. KETEK	17467	561.00	-	560.00	-	DISEWA OLEH 8. ORANG SEBANYAK. RM80.00 SETAHUN
2	BALAI PANJANG	69968	2,178.00	-	250.00	-	PENYEWA HANYA MENYEWA SEBAHAGIAN TANAH
3	JALAN BUKIT CINA	82265	847.00	-	240.00	-	TANAH KUBUR DISEWA OLEH 3 PENYEWA
4	JALAN TOKONG	1637	194.00	43.40	427.00	-	GERAI DISEWA OLEH MPMBB
5	JALAN TOKONG	159	33.00	-	420.00	-	GERAI DISEWA OLEH MPMBB
6	TENGKERA	34222	1,056.00	-	1,080.00	-	DI SEWA OLEH 8 PENYEWA
7	JALAN KG. KULI	354	97.00	-	360.00	-	1 PENYEWA
8	TENGKERA	28596	891.00			169,000.00	3 PENYEWA
9	TENGKERA	128229	3,960.00	-		791,000.00	5 PENYEWA
10	TENGKERA	10073	110.00	-		10,000.00	KUBUR
11	TENGKERA	13340	1,261.00	-		83,000.00	KOSONG
12	TENGKERA	18785	594.00	-		116,000.00	KOSONG
13	JALAN KG. KULI	6310	582.00	-	1,800.00		2 PENYEWA
JUMLAH		411405	12,364.00	43.40	5,182.00	1,169,000.00	

Sumber: Lembaga Wakaf dan Baitulmal 1999.

5.4.1.4 PENGURUSAN WAKAF MASJID KAMPUNG KELING.

Jawatankuasa yang dibentuk oleh LUKMAL turut memainkan peranan yang sama dalam melaksanakan segala urusan harta-harta wakaf kepunyaan Masjid Kampung Keling. Ahli-Ahli Jawatankuasa yang dilantik terdiri daripada penduduk kedua-dua buah masjid iaitu Masjid Kampung Hulu dan Masjid Kampung Keling. Pemilihan Ahli Jawatankuasa diputuskan oleh pihak LUKMAL.¹⁸ Hasil-hasil yang diperolehi oleh masjid ini adalah daripada rumah-rumah dan bangunan yang disewakan kepada orang ramai serta pungutan derma orang ramai.¹⁹

Pada keseluruhannya harta masjid dalam bentuk rumah dan bangunan perniagaan yang disewakan berjumlah 20 buah bangunan yang mengandungi 25 pintu yang disewakan kepada 27 orang. Mengikut maklumat daripada Majlis penyewa adalah terdiri daripada pelbagai bangsa dan keturunan.²⁰

Dari segi kos pengurusan Majlis Agama Islam telah membelanjakan wang bagi membayar cukai, iaitu cuka harta berjumlah RM11,188.00 dan cukai tanah berjumlah RM3,110.00. Pendapatan yang diperolehi melalui penyewaan bangunan ialah berjumlah RM23,592.00. Jumlah keuntungan yang didapati ialah berjumlah RM9,294.48 setahun. Jadual 5.4.1.4 di bawah menunjukkan secara teperinci harta-harta yang dimiliki oleh Masjid Kampung Keling.

Jadual 5.4.1.4: Perbelanjaan dan Hasil Dapatan Harta Wakaf Masjid Kampung Keling.

BIL	ALAMAT HARTA	LUAS K/P	CUKAI TANAH	CUKAI HARTA	KADAR SEWA SETAHUN	NILAIAN SEMASA	CATATAN
1	4 J. H/LEKIR	720	97.00	432.00	728.00	32,800.00	1.RUMAH KEDAI 1 PENYEWA
2	12 J.H/LEKIR	964	97.00	432.00	845.40	43,900.00	1.RUMAH KEDAI 1 PENYEWA
3	15.JLN. TOKONG	1273	194.00	576.00	2,895.48	82,800.00	1.RUMAH KEDAI 1 PENYEWA
4	21 J. H/KASTURI & 23. KG. KULI	1231	194.00	216.00 288.00	621.00 669.00	73,600.00	2.RUMAH KEDAI 2 PENYEWA
5	25 J.KG/PANTAI	1208	194.00	648.00	1,170.00	62,200.00	1.RUMAH KEDAI 1 PENYEWA
6	25 J.H/LEKIR	668	97.00	360.00	1,139.40	30,300.00	1.RUMAH KEDAI 1 PENYEWA
7	29B J.H/KASTURI	245	97.00	144.00	559.80	1,800.00	1.RUMAH KEDAI 2 PENYEWA
8	34 J.T.T. CHENG LOCK 36 J.T.T. CHENG LOCK	2026	194.00	720.00 230.40	1,413.00 819.20	84,700.00	2.RUMAH KEDAI 2 PENYEWA
9	39 J.H/LEKIR	874	97.00	576.00	939.00	39,800.00	1.RUMAH KEDAI 1 PENYEWA
10	41 J.H/LEKIR	831	97.00	576.00	939.00	39,400.00	1.RUMAH KEDAI 1 PENYEWA
11	45 J.BUNGA RAYA	1000	97.00	792.00	1,675.00	134,700.00	1.RUMAH KEDAI 1 PENYEWA
12	49 J.H/KASTURI	687	33.00	259.00	838.80	31,300.00	1.RUMAH KEDAI 1 PENYEWA
13	59 J.H/KASTURI	575	97.00	216.00	613.80	26,000.00	1.RUMAH KEDAI 1 PENYEWA
14	72 LRG H/JEBAT	1749	194.00	720.00	1,032.60	73,100.00	1.RUMAH KEDAI 1 PENYEWA
15	73 J.H/KASTURI	1118	194.00	1,008.00	1,050.00	50,900.00	1.RUMAH KEDAI 1 PENYEWA
16	82 J.H/KASTURI 84 J.H/KASTURI 86 J.H/KASTURI 88 J.H/KASTURI 90 J.H/KASTURI	3673	388.00	360.00 288.00 216.00 216.00 288.00	691.80 615.60 547.80 551.40 823.40	119,400.00	5.RUMAH KEDAI 5 PENYEWA
17	91 J.H/KASTURI	1551	194.00	432.00	1,165.20	70,600.00	1.RUMAH KEDAI 1 PENYEWA
18	127 J.H/JEBAT	12426	291.00	1,008.00	527.40 735.00	108,200.00	1.RUMAH KEDAI 2 PENYEWA
19	142. J.TENGKERA	1151	86.00	187.20	386.40	67,400.00	1.RUMAH KEDAI 1 PENYEWA
20	17 J. TUKANG EMAS	19248	198.00				RUMAH PEGAWAI MASJID KG KELING
JUMLAH			3,110.00	11,188.00	23,592.00	1,173,100.00	

Sumber: Lembaga Wakaf dan Baitulmal 1999.

5.5 NILAIAN KESELURUHAN WAKAF MASJID KAMPUNG HULU DAN MASJID KAMPUNG KELING.

Nilai keseluruhan menunjukkan Majlis Agama Islam mengendalikan eset yang besar di bawah harta wakaf kedua-dua masjid (Masjid Kampung Hulu dan Masjid Kampung Keling). Mengikut nilai semasa wakaf Masjid Kampung Hulu ialah bangunan bernilai RM3,663,777.00 dan nilai tanah ialah RM1,169,100.00. Keseluruhannya Masjid Kampung Hulu memiliki harta wakaf bernilai RM4,832,700.00.

Jumlah hasil harta wakaf Masjid Kampung Keling adalah kurang jika dibanding dengan harta wakaf Masjid Kampung Hulu. Perkara ini disebabkan Masjid Kampung Keling tidak mempunyai tanah wakaf kecuali bangunan yang bernilai RM1,173,100.00. Keseluruhan harta yang diuruskan oleh Majlis Agama Islam Negeri Melaka bernilai RM6,005,800.00.

Jadual 5.5: Nilaian Keseluruhan Harta Wakaf yang Dikendalikan Oleh LUKMAL.

	BANGUNAN	TANAH	NILAI SEMASA TANAH& BANGUNAN
HARTA WAKAF MASJID KG. HULU	RM3,663,700.00	RM1,169,000.00	RM4,832,700.00
HARTA WAKAF MASJID KG. KELING	RM1,173,100.00	-	RM1,173,100.00
JUMLAH	RM4,836,800.00	RM1,169,000.00	RM6,005,800.00

Sumber: Lembaga Wakaf dan Baitulmal 1999.

5.5.1 PENDAPATAN LUKMAL 1995 HINGGA 1999.

Pendapatan Majlis Agama Islam Melaka hasil daripada harta wakaf yang dikendalikan dua buah masjid iaitu Masjid Kampung Hulu dan Masjid Kampung Keling adalah tidak tetap. Pada tahun 1998 pendapatannya berjumlah RM384,413.30 berbanding pada tahun 1997 yang berjumlah RM504,959.57, yang mana kekurangan pendapatannya sebanyak RM120,546.27. Perkara ini berlaku, kerana pada tahun 1998 berlaku kegawatan ekonomi yang melanda negara ketika itu, keadaan ini memberi kesan kepada sumbangan orang ramai dan kekurangan pelancong yang melawat masjid tersebut. Pada tahun 1999 jumlah pendapatan meningkat sedikit iaitu RM85,364.02 yang berjumlah RM469,777.32.

Pada keseluruhan pendapatan harta wakaf bagi kedua-dua buah masjid di atas bagi tahun 1995 hingga 1999 ialah berjumlah RM2,180,223.19. Pendapatan ini berpunca dari penyewaan tanah dan penyewaan bangunan yang dimiliki oleh Masjid Kampung Hulu dan Kampung Keling. Sebagaimana yang telah diperjelaskan ialah hasil penyewaan bangunan ialah sebanyak RM54,742.40 dan penyewaan tanah ialah RM5,182.00 setahun bagi Masjid Kampung Hulu, manakala bagi masjid kampung Keling ialah berjumlah RM23,592.48 bagi penyewaan bangunan dalam setahun. Jadual 5.5.1 di bawah menjelaskan pendapatan LUKMAL dari tahun 1995 hingga 1999.

Jadual 5.5.1 :Pendapatan LUKMAL 1995 Hingga 1999.

TAHUN BAHAGIAN	1995 RM	1996 RM	1997 RM	1998 RM	1999 RM
1.MASJID KG. HULU	376,937.00	381,865.00	467,491.65	377,591.77	385,429.79
2 MASJID KG. KELING	31,097.00	34,174.00	37,467.92	68,821.53	84,347.53
JUMLAH	408,034.00	416,039.00	504,959.57	384,413.30	469,777.32

Sumber: Lembaga Wakaf dan Baitulmal 1999.

5.5.2 PERBELANJAAN LUKMAL 1995 HINGGA 1999.

Mengikut hasil pendapatan dalam jadual 5.5.1 di atas perbelanjaan yang dikeluarkan bagi menguruskan harta wakaf di bawah pengawasan Majlis Agama Islam Melaka sentiasa meningkat dari tahun ke tahun cuma pengurangan perbelanjaan berlaku pada tahun 1998 iaitu sebanyak RM202,622.64 dan bagi tahun 1999 ialah RM233,460.93.

Di antara perbelanjaannya ialah seperti pembayaran gaji dan elauan kakitangan,²¹ ganjaran, membaikpulih masjid, bil-bil, rawatan perubatan untuk kakitangan masjid, upah menggali kubur, cukai pintu serta lain-lain perbelanjaan yang dikeluarkan oleh badan pentadbir iaitu Majlis Agama Islam Negeri.²² Sepanjang tahun 1995 hingga 1999 Majlis Agama telah membelanjakan sebanyak RM1,522,236.62 bagi tujuan-tujuan di atas.

Pengeluaran perbelanjaan oleh Majlis Agama Islam mengikut tujuan sesuatu harta itu diwakafkan. Wakaf yang ditentukan penggunaan hasilnya seperti untuk

kegunaan masjid atau zuriat tertentu, maka hasil dari harta wakaf yang diperolehi adalah untuk melaksanakan syarat tersebut. perkara ini dilakukan berdasarkan peruntukan yang telah ditetapkan.²³ Hasil harta wakaf yang tidak jelas penggunaanya dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Pentadbiran Am Majlis Agama Islam dan digunakan untuk kebajikan Islam secara umum.²⁴ Jadual 5.5.2.1 di bawah adalah senarai perbelanjaan LUKMAL dari tahun 1995 hingga 1999.

Jadual 5.5.2.1:Perbelanjaan LUKMAL 1995 Hingga 1999.

TAHUN PERBELANJAAN	1995 RM	1996 RM	1997 RM	1998 RM	1999 RM
1.MASJID KG. HULU 2 MASJID KG. KELING	288,655.00 41,325.00	293,218.00 62,583.00	343,025.23 57,346.82	167,262.74 35,359.90	207,031.53 26,429.40
JUMLAH	329,980.00	355,801.00	400,372.05	202,622.64	233,460.93

Sumber: Lembaga Wakaf dan Baitulmal 1999.

Imbangan akaun di antara pendapatan dan perbelanjaan meningkat setiap tahun, cuma penurunan keuntungan berlaku pada tahun 1997 RM104,587.25 berbanding tahun sebelum dan selepasnya, sebagaimana yang tercatat dalam jadual di atas. Majlis Agama Islam Negeri Melaka dapat mengumpulkan hasil harta wakaf dari tahun 1995 hingga 1999 ialah sebanyak RM760,986.57 setelah ditolak perbelanjaan yang dikeluarkan. Jadual 5.5.2.2 di bawah mengambarkan imbangan pendapatan dan perbelanjaan harta wakaf negeri Melaka bagi tahun 1995 hingga 1999.

Jadual 5.5.2.2: Imbangan Pendapatan Dan Perbelanjaan Harta Wakaf Negeri Melaka Bagi tahun 1995 Hingga 1999


TAHUN	PENDAPATAN	PERBELANJAAN	BAKI
1995	RM408,034.00	RM329,980.00	RM78,054.00
1996	RM416,039.00	RM255,801.00	RM160,238.00
1997	RM504,959.57	RM400,372.05	RM104,587.52
1998	RM384,413.30	RM202,622.64	RM181,790.66
1999	RM469,777.32	RM233,460.93	RM236,316.39
JUMLAH	RM2,183,223.19	RM1,422,236.62	RM760,986.57

SUMBER: BAITULMAL 1999

Carta 5.5.2.3 di bawah menunjukkan lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan setiap tahun. Tahun 1995 10 peratus (RM78,054.00), kemudian meningkat 21 peratus (RM160,238.00) pada tahun 1996. Walau bagaimanapun ia menurun kepada 14 peratus (RM104,587.52) pada 1997. Penurunan berlaku disebabkan ramai di antara penyewa keluar dan tidak diperbaharuhi kontrak penyewaan (2 Tahun) serta Majlis membelanjakan bagi penyelenggaran bangunan Majlis.²⁵

Tahun 1998 kembali meningkat 24 peratus (RM181,790.00) dan terus meningkat pada 31 peratus (236,316.00) pada tahun 1999. Perkara ini disebabkan pada tahun tersebut penyewa kembali memenuhi rumah atau bangunan yang kosong serta kenaikan kadar sewa yang dibenarkan oleh kerajaan melalui Akta Kawalan Sewaan 1966.²⁶ Carta 5.5.2.3 di bawah menggambarkan baki perbelanjaan LUKMAL dari tahun 1995 hingga 1999.

**Carta 5.5.2.3: Baki Perbelanjaan Harta Wakaf
1995 Hingga 1999**



Sumber: LUKMAL 2000

5.6 TANAH WAKAF BAITULMAL.

LUKMAL juga bertanggungjawab menguruskan tanah wakaf Baitulmal. Baitulmal mempunyai 369 ekar tanah yang mempunyai hasil tetap. Di samping itu juga hasil Baitulmal adalah daripada penyewaan dua buah rumah, wang faedah dan kutipan tabung sedekah daripada orang ramai. Di antara tanah wakaf Baitulmal yang dikenal pasti adalah di Bukit Apit yang seluas enam ekar telah ditanam dengan kelapa sawit. Manakala tanah wakaf di Air Paabas juga telah dimajukan dengan aktiviti pertanian iaitu dengan penanaman getah yang seluas 70.2 ekar. Pembinaan stesen pam minyak di Kampung Durian Tunggal di atas tanah seluas 17,151.75 kaki persegi

alah di antara projek yang dikira berjaya.²⁷ Lokasi projek ini amat sesuai sekali, kerana kedudukannya bukan sahaja di tengah pekan Durian Tunggal dan ditambah pula ia berada di persimpangan tepi jalan menuju ke Bandar Melaka dan Air Keroh. Di antara kemudahan yang terdapat di Stesen Minyak ini ialah tempat mencuci kereta, pusat servis dan dilengkapi dengan alat-alat ganti kenderaan seperti bateri kereta, minyak pelincir dan sebagainya. Kesemuanya dapat memberi kemudahan kepada masyarakat Islam secara umumnya. Walau bagaimanapun masih banyak lagi tanah-tanah wakaf yang masih terbiar dan ada di antaranya yang sedang dalam perancangan untuk dimajukan.²⁸

5.7 PERANCANGAN PEMBANGUNAN.

MAIM merancang untuk memajukan tanah-tanah wakaf yang berada di bawah pentadbirannya. Kesan yang pasti apabila adanya pembangunan tanah wakaf ialah dapat menaikkan taraf ekonomi Negeri Melaka. Terdapat sejumlah kecil tanah-tanah wakaf yang boleh dimajukan secara bersepadu berdasarkan lokasi dan keluasan serta taburan pembangunan di kawasan sekitar. Dengan tersenarainya tanah-tanah di bawah menunjukkan bahawa keperihatinan pihak pentadbir wakaf iaitu Majlis Agama Islam dalam memajukan tanah wakaf di negeri Melaka. Senarai tanah-tanah yang tercatat dalam jadual 5.7 di bawah adalah berpotensi untuk dibangunkan.

Jadual 5.7: Tanah-Tanah Wakaf Yang Berpotensi Untuk Dimajukan.

BIL	DAERAH	MUKIM	LOKASI	LUAS JUMLAH LOT
1	JASIN	KESANG	RTP KESANG II	103 EKAR (3LOT)
		SELANDAR	PONDOK KEMPAS BATU 19 3/4	45 EKAR (9LOT)
		SERKAM & TEDONG	JALAN SERKAM, KAMPUNG BEMBAN	78 EKAR (3LOT)
		JASIN, LOT 3404 PT	LIPAT KAJANG	50 EKAR (1LOT)
		SELANDAR, LOT 673 PT & 684 PT	JALAN TEBONG. SELANDAR	10 EKAR (1LOT)
2	MELAKA TENGAH	KB XXXI LOT 42	KAMPUNG LAPAN	1.608 EKAR (1LOT)
		BUKIT KATIL LOT 347	BELAKANG JPJ	4.9 EKAR (1LOT)
		TG. KELING LOT 2166&2167	PANTAI KUNDUR	1.4625 EKAR (2LOT)
		PERNU LOT 843 PT 10	PULAU BESAR	3.285 EKAR (2LOT)
		SEMABOK LOT 1228 PT	SEBELUM GERAI KEPALA IKAN	1.9142 EKAR (1LOT)
		BUKIT KATIL LOT 3573&4579	JELUTONG	34.29 EKAR (2LOT)
3	ALOR GAJAH	AYER PA'ABAS	RANTAU PANJANG	70 EKAR (7LOT)

Sumber Lembaga Wakaf dan Baitulmal 1999.

Tanah-tanah yang disenaraikan di atas, sekiranya dibangunkan sama ada sebagai projek perumahan, pusat perniagaan, tempat latihan juga untuk pertanian komersil boleh mendatangkan hasil yang lumayan kepada MAIM.²⁹ Misalnya tanah wakaf yang telah diusahakan oleh MAIM ialah tanah yang terdapat di mukim Kesang yang keluasannya sebanyak 103 Ekar (3 Lot) telah ditanam dengan pokok balak (jati emas) yang mana pulangan hasilnya akan diperolehi sekurang-kurangnya sepuluh (10) tahun akan datang.³⁰ Ini di antara langkah yang terbaik yang telah dilakukan oleh Majlis untuk mengelakkan tanah itu terbiar tanpa diusahakan. Di samping itu juga, salah satu hasil yang dinikmati oleh MAIM daripada harta tanah wakaf ialah MAIM

telah memajak tanah getah di daerah Alor Gajah (mukim Ayer Pa' Abas) seluas 70 Ekar (7 Lot) kepada seorang pengusaha, di mana pendapatan tahunan secara tetap ialah RM2,200.³¹ Berlainan pula bagi bagi tanah wakaf di mukim Pemu (Lot 843 pt10) yang keluasannya 3.285 Ekar (2 Lot) akan dijual kepada MAIM Holding.³²

Di antara tanah-tanah yang belum diusahakan oleh Majlis ialah di Kampung Lapan seluas 1.608 Ekar (1 Lot), Bukit Katil 4.9 Ekar (1 Lot), Tanjung Keling 1.4625 (2 Lot) dan di Semabok 1.9142 Ekar (1 Lot). Menurut Pengurus LUKMAL tanah-tanah ini adalah berpotensi untuk dimajukan tetapi Majlis mempunyai masalah, terutama dari segi kewangan dan kakitangan untuk menguruskan pembangunan tanah wakaf tersebut.³³

LUKMAL juga merancang untuk membina asrama bagi pekerja-pekerja kilang yang beragama Islam di Jalan Serkam Kg. Bemban (78 ekar). Anggaran perbelanjaan pembinaanya lebih kurang RM4 juta. Dengan pembinaan ini bukan sahaja dapat mengawal akhlak pekerja kilang, tetapi juga memudahkan pihak Majlis mengadakan kelas fardu ain dan ceramah-ceramah agama.³⁴ Demikian juga cadangan untuk pembinaan rumah persinggahan yang bercirikan Islam di Tengkera seluas 4 ekar yang dilengkapi dengan tempat riadah dan kantin. Ini sebabkan pelancong dari dalam dan luar negeri semakin bertambah melawat Negeri Melaka. LUKMAL cuba mencari jalan penyelesaian dengan mengadakan perbincangan dengan badan-badan tertentu untuk memajukan tanah wakaf di sekitar bandar Melaka khususnya Lembaga Urusan Dan Tabung Haji dan lain-lain bagi pembinaan rumah pangsa dan rumah kos rendah untuk umat Islam khususnya.³⁵ Dengan perancangan tersebut harta wakaf menjadi aset yang amat bernilai bagi ekonomi umat Islam.

5.8 KESIMPULAN.

Rumusan dari perbincangan di atas menunjukan negeri Melaka memiliki tanah wakaf yang luas, sebahagian besar tanah wakaf yang berada di bawah pengawasan Majlis Agama Islam Negeri Melaka dalam bentuk khas iaitu wakaf masjid dan perkuburan. Perkara ini menyukarkan pihak Majlis Agama Islam memajukannya kerana tertakluk pada syarat wakaf itu sendiri. Terdapat juga harta wakaf (rumah sewa) yang memberi pulangan hasil kepada Majlis Agama Islam terutamanya harta wakaf yang berada di bawah Masjid Kampung Keling dan Masjid kampung Hulu, akan tetapi pendapatan yang diperolehi itu kebanyakannya digunakan untuk penyelengaraan harta wakaf itu sendiri seperti membaik pulih bangunan, membayar cukai tanah, cuka pintu dan sebagainya.

Terdapat juga tanah-tanah wakaf di negeri Melaka yang berpotensi untuk dimajukan. Sebahagiannya telah diusahakan dengan projek-projek yang mampu memberi pulangan yang menguntungkan dan sebahagiannya lagi masih dalam perancangan. Di antara kesulitan terbesar yang menjadi penghalang ialah sumber kewangan yang tidak mencukupi bagi menampung kos pembangunan yang dirancangkan. Ini menunjukan Majlis Agama Islam Negeri Melaka telah berusaha untuk memajukan tanah wakaf yang berada di negeri Melaka.

¹Kerajaan Negeri Melaka (1991), *Perangkaan penduduk dan isi rumah mengikut daerah pentadbiran*, Melaka, h. 9.

²Ibid.

³Kerajaan Negeri Melaka, *op.cit*, h. 9.

⁴Temubual dengan Ustaz Yusof Muhammad (bekas pengurus masjid Kg. Jelatang), pada 12hb. Okt. 1999.

⁵Temubual dengan En. Mohd Sharif Somatullah, Pengurus Lembaga Wakaf, Zakat dan Baitulmal, pada 24hb. April 1999.

⁶Temubual dengan En. Osman bin Hj. Ali, Ustaz Pendidikan Islam IKM Jasin, pada 2hb. Okt. 1999.

⁷Temubual dengan Mohd bin Isa, penduduk kampung Gadek Alor Gajah Melaka pada 7hb Sept. 1999.

⁸Kertas kerja Majlis Agama Islam Melaka, *op.cit*, h. 39.

⁹Temubual dengan En. Sharif Somatullah, pada 29hb. March 2000.

¹⁰Temubual dengan En. Mohd Sharif Somatullah, pada 28hb. March, 2000.

¹¹Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Melaka, No. 5, Tahun 1991, seksyen 53.

¹²Kertas Kerja Majlis Agama Islam Melaka, *op.cit*, h. 34.

¹³Temubual dengan En.Hj. Mohd Nor bin Hj. Mohd Said, Pembantu Tadbir LUKMAL, pada 23hb April 2000.

¹⁴Akta Kawalan Sewa (Pemansuhan) 1997 (Akta 572), seksyen (2).

¹⁵Temubual dengan En. Mohd Sharif Somatullah, pada 23hb. April 2000

¹⁶Ibid

¹⁷Ibid

¹⁸Temubual dengan En. Bakar bin Mahdi, Penolong Pegawai Tadbir LUKMAL, pada 15hb. Okt. 1999.

¹⁹Ibid.

²⁰Lihat Lampiran A.

²¹Staff Masjid Kampung Hulu 6 orang, iaitu seorang Imam bergaji RM663.00, 2 orang jaga bergaji RM597.00(setiap seorang), 2 orang Noja bergaji RM547.00(setiap seorang) dan seorang Bilal bergaji RM537. Bagi Masjid Kampung Keling seramai 3 orang staff, iaitu 1 Imam, seorang Bilal dan seorang Noja (gajinya sama seperti Masjid

Kampung Hulu). Lihat dalam Kod Hasil dan Perbelanjaan Majlis Agama Islam Negeri Melaka 1999.

²²Temubual dengan Sharifah Rohaya bte Nyat, Pegawai Audit Dalaman Majlis Agama Islam Melaka, pada 15hb. Mei 2000.

²³Enakmen Pentadbiran Agama Islam Melaka, Tahun 1959, Seksyen 92(1) & 93(1).

²⁴Seksyen 92(2) & 93(3).

²⁵Temubual dengan Sharifah Rohaya bte Nyet, pada 15hb Mei 2000.

²⁶Temubual dengan En. Mohd Sharif Somatullah, pada 23hb. April 2000.

²⁷*Ibid.*

²⁸*Ibid.*

²⁹Majlis Agama Islam, taklimat/kajian pengurusan organisasi dan kewangan, h. 36.

³⁰Temubual dengan En. Mohd Sharif Somatullah, pada 3hb. April 2000.

³¹Temubual dengan En. Muhammad Nor, kerani LUKMAL, pada 3hb. April 2000.

³²*Ibid.*

³³Temubual dengan En. Mohd Sharif Somatullah, pada 3hb April 2000.

³⁴*Ibid.*

³⁵*Ibid.*